



MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
TAWARAN SEBUT HARGA
NO. SEBUT HARGA : MPS/2025/58


Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat/pembekal tempatan yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** di bawah kod bidang berkaitan dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkara berikut:-

Tajuk Bekalan / Perkhidmatan	Kod Bidang	Keterangan	Harga Dokumen Sebut Harga
PERKHIDMATAN MENYELENGGARA TANAMAN RENEK DAN YANG BERKAITAN DI JALAN UTAMA DARI GEMAS BARU SEHINGGA SEMPADAN TENANG STESEN BAGI TEMPOH 2 TAHUN (JANUARI 2026 SEHINGGA DISEMBER 2027)	21002	Perkhidmatan / Khidmat Kebersihan Dan Rawatan / Membersih Kawasan	RM30.00

- i) Tawaran ini terbuka kepada pembekal / syarikat yang telah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Segamat sahaja. Pendaftaran pertama kali (bagi yang belum berdaftar) / pembaharuan pendaftaran boleh dilakukan semasa urusan pembelian Dokumen Sebut Harga.
- ii) Dokumen Sebut Harga akan mula di jual pada **04 Disember 2025 (Khamis)** sehingga **11 Disember 2025 (Khamis)** di **Kaunter Unit Perolehan, Majlis Perbandaran Segamat** dengan bayaran dalam bentuk **Draf Bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** atas nama **Majlis Perbandaran Segamat**.
- iii) Tawaran Sebut Harga dikeluarkan kepada pembekal/syarikat yang sah sahaja dan dibenarkan hadir bagi pembelian Dokumen Sebut Harga. Sila bawa bersama sijil-sijil asal berserta satu (1) salinan dokumen-dokumen berikut :-
 - i) Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM);
 - ii) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - iii) Cap Syarikat
- iv) Waktu penjualan Dokumen Sebut Harga adalah seperti berikut :-

Hari	Waktu Operasi Kaunter
Isnin - Jumaat	8:30 pagi - 3:30 petang 1:00 petang - 2:00 petang (Rehat) (Isnin-Khamis) 12:15 tengahari - 2.45 petang (Rehat) (Jumaat)

- v) Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri seta dinyatakan No.Sebut Harga yang berkenaan di sebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga di Unit Perolehan Majlis Perbandaran Segamat sebelum atau pada **11 Disember 2025 (Khamis) sebelum jam 12.00 tengah hari**.


(HAJI MOHD HELMI BIN DATO' HAJI SHA'RI @ SHANGARI)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat.

Tarikh:

